

>>Kita perlu terus berusaha untuk memperkasa kempen benci dadah supaya masalah ini dapat ditangani secara bersepadu dan menyeluruh

HARIAN METRO

HARIAN METRO




Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Kita menyambut baik langkah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bakal merangka, membentang dan menguatkuasakan Pelan Strategik Memerangi Dadah Kebangsaan tidak lama lagi sebagai bukti kerajaan serius untuk menangani masalah itu secara menyeluruh hingga ke peringkat akar umbi. Pelan ini difikirkan sangat penting dan wajar dirangka dan dilaksana dengan segera memandangkan masalah sosial yang berpuncanya daripada najis dadah ini semakin membimbangkan.

Hampir setiap hari kita dide dah dengan pelbagai masalah sosial yang berpuncanya daripada penagih dadah seperti sanggup mencederakan atau membunuh ahli keluarga sendiri kerana gagal mendapatkan duit untuk membeli dadah. Antara kejadian yang cukup tragis ialah kejadian seorang penagih dadah yang menembak mati tiga sekeluarga dan pemilik kilang memproses ayam di Pulau Pinang kerana gagal mendapatkan wang yang diperlukan untuk beli dadah. Begitu juga halnya dengan satu lagi kejadian iaitu sorang nenek dipukul sehingga mati oleh cucunya sendiri yang juga penagih dadah kerana sebab yang sama. Dan banyak lagi kejadian yang tidak diingini terus berlaku berpuncanya daripada tindak tanduk penagih tegar yang terdesak untuk mendapatkan bekalan dadah.

Jelas dadah musuh utama negara dan masyarakat yang perlu diperangi habis-habisan dan dalam konteks ini memang wajar kerajaan isytiharkan 2016 sebagai tahun memerangi dadah serta perlu lakukan jihad untuk menentang dadah. Mengikut statistik, sepanjang tahun lalu sahaja seramai 26,660 penagih direkodkan dengan 76.1 peratus merupakan penagih baharu dan 73.4 peratus daripadanya adalah golongan muda dengan penagih termuda dikesan berusia tujuh tahun. Ini memberi gambaran betapa bilangan penagih baharu semakin



## Perangi dadah hingga tuntas

bertambah terutamanya membatikan golongan muda dan sudah semestinya ia tidak sihat untuk pembangunan masyarakat dan juga negara secara keseluruhannya. Tambahan pula penulis percaya jumlah sebenar penagih dadah di Malaysia sebenarnya mungkin jauh lebih besar daripada apa yang direkodkan secara rasmi ini kerana dilaporkan berdasarkan piawaian antarabangsa, kadar penagih dalam kalangan rakyat di sesebuah negara adalah sekurang-kurangnya empat kali ganda lebih tinggi daripada jumlah yang direkodkan.

Apa yang pasti dadah tidak mengenal usia dan juga kategori mangsa baik dari segi jantina maupun bangsa. Misalnya baru-baru ini Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid juga pernah melahirkan kerisauan betapa masalah dadah dalam kalangan pelajar sekolah

pada masa kini berada pada tahap yang amat membimbangkan dan jika dibiarkan masalah akan terus menghancurkan belia dan juga masyarakat kita secara keseluruhannya kelak.

Dalam konteks ini pelbagai pihak sudah mengutarakan bermacam-macam pandangan dan juga cadangan bagi memerangi gejala najis dadah ini dari peringkat akar umbi lagi. Antaranya ialah cadangan agar mewajibkan penagih dadah ke pusat pemulihan di mana menurut Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, adalah tidak menjadi satu kesalahan sekiranya kerajaan ‘memaksa’ penagih untuk ke pusat pemulihan jika kaedah sukarela yang dilaksanakan pada masa ini masih tidak berjaya mengurangkan bilangan penagih.

Dicadangkan juga apabila mereka berada di pusat pemulihan mereka tidak dilayan seperti penjenayah

sebaliknya sebagai seorang pesakit yang memerlukan bantuan, bimbingan dan juga didikan untuk kembali pulih.

Apapun dalam hal ini inisiatif untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, terutama memupuk sikap benci kepada dadah perlu terus diperkasakan kerana kita tidak mahu lebih ramai lagi rakyat kita terjerumus ke lembah najis dadah ini. Pendekatan dan kaedah kempen perlu lebih berfokus dan jelas dari segi kumpulan sasaran misalnya golongan pelajar sekolah dan belia yang dikatakan terus menjadi mangsa najis dadah.

Dalam isu ini kita perlu memberi perhatian yang serius kepada dua pihak yang terbabit secara langsung iaitu pengedar dan juga penagih yang sedia ada di samping usaha untuk mengekang kemunculan penagih baru. Dari segi pengedar misalnya, walaupun tangkapannya demikian tangkapannya dibuat oleh pihak

berkuasa namun pengedar masih berani dan terus aktif melakukan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah dengan pelbagai kaedah. Ini menunjukkan penjenayah ini memang nekad, berani ambil risiko dan sanggup melakukan apa saja untuk mengembangkan perniagaan mereka yang jelas cukup menguntungkan. Justeru kita perlu terus mempergiatkan usaha pencegahan dan penangkapan sehingga mereka takut mahupun mengalah untuk meneruskan aktiviti pengedaran mereka.

Kita juga tidak mahu negara kita menjadi lubuk mahupun pusat pengedaran dadah sindiket antarabangsa.

Dalam hal ini penulusur cukup yakin dengan kemampuan dan ketangkasannya pihak berkuasa negara ini dalam mengekang pengedaran dadah, namun percayalah masyarakat juga perlu membantu andai kita mahu mengekang dan

menangani aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah dalam negara ini secara lebih berkesan dan menyeluruh. Kit wajar menjadi mata dan telinga serta rakan strategik pihak berkuasa supaya sama-sama dapat membantu mengatasi masalah ini.

Dalam pada itu bilangan penagih baru yang semakin meningkat juga sewajarnya merisaukan kita semua. Realitinya kebanyakannya daripada mereka berasal dari keluarga yang bermasalah sehingga akhirnya terjebak dalam kancang najis dadah ini. Ini menujukkan keadaan institusi kekeluargaan kita semakin membimbangkan dan memerlukan perhatian yang serius dari semua pihak.

Misalnya ibu bapa sering bergaduh, abaikan tumpuan terhadap anak-anak ataupun ibu bapa sudah bercerai dan terpisah. Ini menyebabkan anak ini merasakan tiada tempat untuk berkashih sayang dan mereka cukup

tertekan serta rasa kesunyian. Akibatnya mereka mudah terdorong untuk terjebak dalam kancang ini. Justeru institusi kekeluargaan negara ini perlu dipastikan terus kukuh dan boleh berfungsi dengan berkesan. Kit tidak mahu ibu bapa hanya tahu melahirkan anak tetapi tidak mampu menunaikan tanggungjawab untuk membentuk mereka menjadi manusia yang berguna kelak.

Hakikatnya kesan penagih dadah sudah sangat jelas. Ia membawa kepada pelbagai masalah sosial yang negatif dalam masyarakat kita sehingga boleh mendorong penagih untuk mencederakan ataupun membunuh ahli keluarga sendiri. Justeru kita perlu terus berusaha untuk memperkasa kempen benci dadah supaya masalah ini dapat ditangani secara bersepadu dan menyeluruh sebelum lebih ramai lagi rakyat kita menjadi mangsa najis dadah.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**